

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RPK 421 - Landskap

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA Soalan pada Bahagian A Sahaja. Bahagian B pilih dan jawab mana-mana LAPAN Soalan Sahaja.

Bahagian A

1. Dalam perancangan landskap, faktor ekologi seringkali dijadikan asas dalam menentukan kesesuaian projek-projek pembangunan yang hendak dijalankan.
 - a) Bagaimana faktor ekologi dapat dikaitkan dengan proses perancangan gunatanah?
 - b) Nyatakan jenis-jenis maklumat yang diperlukan dalam kajian perancangan landskap.

(15 markah)

2.
 - a) Huraikan konsep 'Ecological Determinism' yang diperkenalkan oleh lan Mc Harg ?
 - b) Lakarkan prosedur analisis mengikut kaedah lan Mc Harg ?

(15 markah)

3. Senitaman Islam (Islamic Garden) telah berjaya menghasilkan satu bentuk rekaan senitaman yang unit dan mempersonakan.
 - a) Bincangkan konsep senitaman Islam yang seringkali digunapakai oleh negara-negara barat. Perkuatkan hujah anda dengan lakaran-lakaran dimana perlu.
 - b) Didalam bidang rekabentuk landskap, zaman keagongan Sepanyol Islam telah menghasilkan dua expresi rekabentuk senitaman Islam. Nyatakan kedua-duanya dengan memberikan contoh-contoh yang terdapat dalam senitaman Sepanyol.

(15 markah)

4. Tanaman hiasan adalah merupakan elemen utama dalam rekabentuk landskap.
- a) Nyatakan lima (5) fungsi utama penggunaan tanaman hiasan dalam rekabentuk bandar/landskap.
 - b) Berikan sepuluh (10) spesis tanaman hiasan iaitu Nama Biasa dan Nama Saintifik bagi tiap-tiap pengkelasan berikut:
 - i) Pokok Besar
 - ii) Pokok Semakperdu
 - iii) Pokok Renek/Penutup Bumi

(15 markah)

Bahagian B (Jawab LAPAN Soalan Sahaja)

5. Terangkan kaedah 'Transparent Overlay Technique' dalam perancangan landskap ?
- (5 markah)
6. Perkembangan landskap Senitaman Peranchis dalam banyak hal adalah berasal dari Senitaman Itali.
- a) Nyatakan tiga konsep Senitaman Itali yang digunapakai dalam Senitaman Peranchis.
 - b) Nyatakan tiga istilah rekabentuk landskap Senitaman Peranchis yang menjadi ikutan senitaman tamadun lain seterusnya.
- (5 markah)
7. Dalam rekabentuk padang golf, pereka landskap seharusnya mengetahui beberapa terminologi dalam permainan golf. Dari lawatan dan penerangan yang diberikan;
- a) Berikan lima terminologi yang anda tahu mengenai permainan golf.
 - b) Apakah spesis rumput yang digunakan di 'Green' dan 'fairway'.

(5 markah)

- 3 -

8. Apakah yang dimaksudkan dengan Pengkelasan Tatanama Binomial dan nyatakan hierarki pengkelasan tersebut ?

(5 markah)

9. Nyatakan Empat teknik perancangan landskap yang digunakan dalam proses pengumpulan dan analisis maklumat yang berkaitan dengan landskap.

(5 markah)

10. Senaraikan Lima jenis penyakit tanaman hiasan dan landskap yang anda tahu. Nyatakan patogennya dan tanda serangannya ?

(5 markah)

11. Nyatakan Sepuluh perkara utama yang terkandung dalam penyediaan dokumen tawaran dan dokumen kontrak kerja-kerja pembangunan landskap.

(5 markah)

12. Senaraikan perbezaan antara dokumen kontrak biasa dan kontrak landskap.

(5 markah)

13. Nyatakan perbezaan pendapat diantara pengarang Brian Hackett dan Silver Crowe mengenai peranan perancangan landskap.

(5 markah)

14. Namakan pertubuhan yang mengawasi kod/etika/perilaku Arkitek landskap di Malaysia. Bilakah ianya didaftarkan.

(5 markah)

15. Nyatakan tatacara yang boleh diambil apabila anda menyediakan pelan penanaman landskap.

(5 markah)

16. Berikan nama-nama taman yang direkabentuk oleh pereka-pereka taman berikut:

- a) Leon Batista Alberti
- b) Andre Le Norte
- c) William Kent
- d) Frederick Law Olmstead
- e) Lancelot Brown

(5 markah)

17. Bagaimana anggaran kos sesuatu projek pembangunan landskap khususnya yang berkaitan dengan landskap lembut dikira ?

(5 markah)

18. Siapakah yang mula-mula memperkenalkan bidang Senibina Landskap dan bila ?

(5 markah)

-ooo00ooo-